

Program silat simbolik perpaduan masyarakat

Pesilat jadi benteng ketiga pertahanan bantu kerajaan kekal keamanan

Kuala Lumpur: Program silat perlu diteruskan kerana ia simbolik kepada penyatuan ummah dan perpaduan masyarakat dalam menempuh cabaran dari dalam dan luar, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Justeru, katanya, ahli silat harus berada dalam keadaan bersedia bagi mengurus segala perjalanan persilatan di negara ini.

Beliau berkata, pesilat sebagai benteng ketiga pertahanan negara boleh membantu kerajaan untuk mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara yang sedang dikecapi Keluarga Malaysia pada masa ini.

"Keharmonian dan keamanan negara harus dipertahankan kerana kejayaan kita ini juga bergantung kepada keadaan negara yang aman dan damai serta di-

urus tadbir dengan baik.

"Bagaimanapun semua kejayaan dan pencapaian negara tidak berlaku sekelip mata kerana ia hasil daya usaha generasi Keluarga Malaysia terdahulu yang seharusnya disambung oleh generasi yang ada," katanya ketika berucap merasmikan Majlis Perhimpunan dan Penyampaian Ijazah Ke-36 Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia (PSSLM), di sini, semalam.

Turut hadir Ulul Amri PSSLM, Datuk Seri Najib Razak; Mahaguru Muda PSSLM, Datuk Megat Zulkarnain Oмарdin dan penyandang Selendang Kehormat Tertinggi PSSLM, Tan Sri Noh Omar.

Perdana Menteri berkata, silat bukan sahaja mengajar ahlinya seni mempertahankan diri, tetapi lebih utama adalah membina masyarakat yang memiliki ketahanan dalaman, jati diri, disiplin, pembentukan sahsiah tinggi dan melahirkan masyarakat yang mempunyai kesetiaan serta kecintaan kepada tanah air.

"Sesungguhnya elemen ini penting dalam mencapai hasrat Keluarga Malaysia seperti yang digariskan.

"Bagi merealisasikan peranan yang boleh dimainkan ahli silat dalam memastikan kedaulatan



Ismail Sabri beramah mesra dengan Megat Zulkarnain (kanan) pada Majlis Perhimpunan dan Penyampaian Ijazah Ke-36 PSSLM di Kompleks Lincah Mahaguru Oмарdin, semalam yang turut dihadiri Najib. (Foto BERNAMA)

dan kemakmuran negara dipertahankan, pertemuan seperti ini dapat memberi manfaat secara keseluruhannya," katanya.

Ismail Sabri berkata, silat juga perlu dipertahankan supaya satu daripada budaya yang telah bertapak sekian lama dapat dikembalikan dan diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Sehubungan itu, beliau menggesa pertubuhan silat memperluaskan budaya silat menerusi pelbagai saluran untuk kakitangan awam dan swasta serta institusi pengajian tinggi yang diyakini mampu membentuk remaja lebih berperibadi dan mempunyai nilai murni.

Perdana Menteri, silat memainkan peranan besar dalam membantu kerajaan menghindari belia daripada gejala tidak sihat dengan melatih mereka keperibadian baik, mulia, berkeyakinan diri, berdisiplin dan patuh

kepada pemimpin melalui latihan silat.

"Peranan yang dimainkan oleh silat begitu besar dan meluas. Dari sudut budaya dan sukan, silat berupaya memperkenalkan identiti Malaysia ke serata dunia. Ilmu silat harus diinstitusikan sebagai wadah dan wacana perkembangan ilmu melalui strategi berlandaskan agenda pendidikan, warisan budaya dan kesukanan," katanya.

Beliau berkata, ini jelas terbukti apabila kerajaan memberi pengiktirafan kepada silat sebagai satu warisan kebangsaan pada 2015 yang merupakan langkah awal kerajaan dalam memastikan budaya itu tidak pupus sebaliknya terus dipraktikkan dan diwarisi.

Selain pengiktirafan silat sebagai salah satu seni bela diri rasmi negara, beliau berkata, pengiktirafan terhadap perju-

ngan pesilat turut diberikan, contohnya perjuangan Allahyarham Mahaguru Tan Sri Oмарdin Mauju dalam seni silat negara.

"Gelaran 'Pendekar Negara' yang dianugerahkan kepada Allahyarham telah menaikkan imej silat itu sendiri.

"Sumbangan Allahyarham begitu besar dalam sejarah persilatan moden negara. Diharapkan selepas beliau akan lahir insan yang akan diiktiraf kerajaan dalam dunia persilatan," katanya.

Perdana Menteri turut mengemukakan kerajaan akan meneruskan pembinaan Kompleks Silat Negara yang diharap dapat memperkenalkan seni silat negara di serata dunia.

Terdahulu, Ismail Sabri turut menerima anugerah Selendang Kehormat Tertinggi yang disifatkannya sebagai satu pengiktirafan dan penghargaan tertinggi.

BERNAMA